

BERSATU perlu beri laluan kepada calon UMNO

Kuala Lumpur: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) perlu memberi laluan dengan menyokong calon UMNO sebagai Menteri Besar Perak baharu bagi menamatkan kemelut jawatan itu, selain mengelak pilihan raya diadakan.

Penganalisis Politik Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduhan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain, berkata agak sukar bagi jawatan Menteri Besar kekal dipegang BERSATU selepas ini.

Katanya, bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang kecil dimiliki BERSATU ketika ini menyukarkan mereka mengawal pentadbiran negeri.

"Langkah terbaik adalah mengekalkan kerajaan sedia ada dan melantik calon UMNO sebagai Menteri Besar bagi menghormati kedudukan mereka dengan kerusi terbanyak."

"BERSATU perlu menghormati dan memberi laluan kepada UMNO dengan semangat dan jiwa

yang besar. Sukar bagi calon BERSATU untuk kekal menjadi Menteri Besar dan mengawal kerajaan apabila bilangan kerusi partinya tidak banyak," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

BERSATU memiliki lima kerusi di DUN Perak. Pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2018, BERSATU hanya memenangi satu kerusi iaitu DUN Chenderingan yang diwakili bekas Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Selepas PRU, dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) UMNO iaitu Datuk Zainol Fadzi Pahruddin (Sungai Manik) dan Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi (Tualang Sekah) mengumumkan untuk menyertai BERSATU.

Kemelut politik melanda Pakatan Harapan (PH) awal tahun ini menyaksikan ADUN Kuala Kurau daripada PKR, Datuk Abdul Yunus Jamhari dan ADUN Titi Serrong daripada Parti Amanah Negara (AMANAH), Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim, menyertai BERSATU.



Mohd Izani Mohd Zain



Awang Azman Awang Pawi

Mengenai penjajaran politik baharu disebut Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Mohd Izani berkata, cadangan itu ialah jika semua parti di Perak gagal mencapai kata sepakat mengenai calon Menteri Besar, selain memastikan tidak berlaku pilihan raya.

"Tiada yang mustahil dalam politik jika UMNO mahu bekerjasama dengan PH termasuk DAP. Strategi ini sama apabila UMNO bekerjasama dengan BERSATU untuk menyelamatkan kerajaan tanpa perlu membuat pilihan raya."

"Dalam konteks di Perak, jika BERSATU dan PAS tidak mahu menyertai kerajaan baharu, UMNO perlu mewujudkan kerjasama dengan parti lain untuk menuhkan kerajaan dan menyelesaikan kemelut Menteri Besar di Perak. Jika tidak, pilihan raya negeri perlu dilakukan," katanya.

Sementara itu, Penganalisis politik, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata kerjasama Barisan Nasional (BN) dan UMNO bersama Perikatan Nasional (PN) mungkin terhenti

jika UMNO bergabung dengan Pakatan Harapan (PH) bagi mendapatkan sokongan terhadap calon Menteri Besar Perak.

Beliau berkata, UMNO dan BERSATU berkemungkinan mengambil sikap sendiri dalam menentukan hala tuju politik masing-masing.

"Jika calon Menteri Besar tidak mendapat sokongan PN dan BN perlu menarik sokongan PH, ia bermakna BN dan UMNO pastinya keluar daripada PN."

"BERSATU dan UMNO sudah lama dingin, cuma menunggu masa membawa arah masing-masing," katanya mengulas isu sama.

Ditanya sama ada kemungkinan UMNO bekerjasama dengan PH termasuk DAP boleh dianggap sebagai pengkhianatan kepada perjuangan Melayu, beliau berkata, ia mungkin sekadar strategi politik.

Apa yang berlaku di Perak ketika ini, tegasnya, hanya membabitkan isu jawatan Menteri Besar yang memerlukan persetujuan majoriti ADUN.